



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGAJIAN MALAYSIA**  
**KOD KURSUS : MPU2123 / MPU1013**  
**PEPERIKSAAN : MEI 2017**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 15 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A [ 20 MARKAH ]**

Jawab **semua** soalan.

1. Apakah kepentingan Gunung Jerai kepada kerajaan Kedah Tua di zaman awal pembentukannya ?
- A Benteng pertahanan negeri.
  - B Lambang kekuatan pemerintah.
  - C Simbol penguasaan alam semesta.
  - D Memudahkan kedatangan pedagang.

Orang kampung	: Tok, British minta cukai.
Penghulu Dol Said	: Berapa banyak ?
Orang Kampung	: Satu per sepuluh daripada hasil kita.
Penghulu Dol Said	: Jangan bayar walau sedikit pun.

**Rajah 1**

2. Rajah 1 berlaku di Naning semasa pentadbiran Penghulu Dol Said pada kurun ke-19. Apakah tindakan British setelah arahannya diingkari ?
- A Menduduki Naning.
  - B Membunuh Dol Said.
  - C Memulau wilayah Naning.
  - D Merampas hasil penduduk.

3.


Negeri	Pemimpin Tempatan
Negeri Sembilan	A
Pahang	Dato Bahaman
Kelantan	Tok Janggut

Rajah 2

Berdasarkan Rajah 2, individu A ialah

- A Dol Said.
- B Mat Salleh.
- C Tok Gajah.
- D Imam Rasul.

4.




Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3, apakah kesan pelaksanaan asas kerakyatan tersebut ?

- A Memajukan ekonomi luar bandar.
  - B Mengurangkan perpaduan rakyat.
  - C Mengukuhkan kuasa pembesar tempatan.
  - D Menghakis kepentingan penduduk peribumi.
5. Apakah faktor yang menyebabkan British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948 ?
- A Melahirkan pentadbiran yang licin.
  - B Memenuhi desakan orang dagang.
  - C Kekuatan perpaduan orang Melayu.
  - D Pertambahan bilangan kaum imigran.

6. Yang manakah di antara berikut adalah sebab wakil rakyat perlu dipilih semula dalam pilihan raya.
- A Meninggal dunia.
  - C Hilang sokongan.
  - B Dipecat dari parti.
  - D Menyertai parti lain.

7.



Rajah 4

- Berdasarkan Rajah 4, mengapakah negeri tersebut menyokong pembentukan Malaysia ?
- A Mengelak campur tangan asing.
  - B Menamatkan ancaman komunis.
  - C Memperkukuh amalan demokrasi.
  - D Memenuhi desakan penduduk tempatan.
8. Sejak tahun 1957, Perlembagaan Malaysia telah dipinda beberapa kali. Mengapakah perlembagaan tersebut dipinda ?
- A Perubahan ekonomi semasa.
  - B Mengelak tekanan pihak luar.
  - C Mematuhi perintah Majlis Raja-Raja.
  - D Memastikan kelancaran pentadbiran.

9. Siapakah yang berkuasa memberi pengampunan kepada pegawai tertinggi angkatan tentera yang telah dijatuhi hukuman ?
- A Mahkamah.
  - B Perdana Menteri.
  - C Menteri Pertahanan.
  - D Yang di-Pertuan Agong.
10. Mengapakah sejarah hubungan antara kaum di Malaysia berubah kepada bekerjasama setelah merdeka ?
- A Persaingan antara parti.
  - B Setiap kaum hidup berasingan.
  - C Hubungan antara kaum lama terjalin.
  - D Membebaskan negara daripada penjajah.
11. Manakah di antara berikut susunan yang betul bagi tahap hubungan etnik di Malaysia ?
- I Amalgamasi
  - II Akomodasi
  - III Segregasi
  - IV Asimilasi
  - V Akulturasi
- A I → II → III → IV → V
  - B I → II → IV → III → V
  - C IV → V → II → III → I
  - D III → II → V → IV → I
12. Apakah matlamat Rancangan Malaysia Pertama yang telah dilaksanakan pada tahun 1956 hingga 1960 ?
- A Memajukan sektor perindustrian.
  - B Menyusun semula sistem pendidikan.
  - C Membangunkan kawasan luar bandar.
  - D Memperkukuhkan sistem pertahanan negara.

13.

- Sekolah Menengah Agama
- Sekolah Menengah Teknik
- Sekolah Menengah Vokasional
- Sekolah Menengah Sains

**Rajah 5**

Berdasarkan pernyataan dalam Rajah 5, mengapakah sistem persekolahan aneka jurusan tersebut diperkenalkan ?

- A Melahirkan tenaga kerja mahir.
- B Mengurangkan sekolah vernakular.
- C Memendekkan tempoh pembelajaran.
- D Menempatkan murid kelainan upaya.

14.

- Dasar Bahasa Kebangsaan.
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan.
- Dasar Pendidikan Kebangsaan.

**Rajah 6**


Apakah sumbangan dasar-dasar di atas dalam mencapai Wawasan 2020 ?

- A Mewujudkan integrasi kaum.
- B Menjamin kecemerlangan negara.
- C Membina masyarakat berdaya saing.
- D Meningkatkan taraf hidup masyarakat.

15. Apakah tindakan yang dilakukan oleh Malaysia untuk menentang dasar Aparteid yang diamalkan di Afrika Selatan ?

- A Menyekat bantuan kemanusiaan.
- B Menghalang hubungan dagangan.
- C Memutuskan hubungan diplomatik.
- D Menamatkan perlindungan diplomatik.

16.



Rajah 7

- Berdasarkan Rajah 7, apakah bentuk bantuan yang dapat diberikan oleh Malaysia untuk mengurangkan penderitaan yang dialami oleh rakyat Palestin akibat kekejaman tentera Israel ?
- A Menghantar bantuan ketenteraan.
  - B Menambah pelaburan pelbagai sektor.
  - C Meningkatkan kerjasama kebudayaan.
  - D Menganjurkan persidangan antarabangsa.
17. Mengapakah kerajaan mewujudkan projek mega seperti Koridor Raya Multimedia di Malaysia ?
- A Membentuk masyarakat bermaklumat.
  - B Mewujudkan keseimbangan ekonomi.
  - C Merencanakan perkembangan perindustrian.
  - D Membangunkan wilayah pembangunan baru.
18. Mengapakah rakyat biasa takut untuk menderhaka kepada sultan semasa pemerintahan kerajaan awal Asia Tenggara ?
- A Raja menjadi pendeta.
  - B Raja menguasai empayar.
  - C Raja adalah bayangan tuhan.
  - D Raja memiliki kekuatan tentera.



19.

- Perayaan ini dikenali juga sebagai *Ancester Memorial*.
- Bertujuan mengingati orang yang telah meninggal dunia.
- Mereka pergi ke kubur membawa makanan dan bunga.


**Rajah 8**

Pernyataan pada Rajah 8 merujuk kepada perayaan utama masyarakat Cina iaitu

- A Chung.
  - B Ching Ming.
  - C Chap Goh Mei.
  - D Pesta Tanglung.
20. Bilakah umat Islam menyambut Nuzul Al-Quran untuk memperingati turunnya ayat Al-Quran yang pertama kepada Nabi Muhammad ?
- A 15 Ramadan.
  - B 16 Ramadan.
  - C 17 Ramadan.
  - D 18 Ramadan

## BAHAGIAN B [ 60 MARKAH ]

1. Jawab **semua** soalan.




**Rajah 9**

Rajah 9 menunjukkan senarai Ahli Jawatankuasa dalam sebuah suruhanjaya yang telah ditubuhkan pada Januari 1962.

- a. Namakan suruhanjaya tersebut. (1 Markah)
  
- b. Apakah tujuan penubuhan suruhanjaya itu ? (2 Markah)
  
- c. Berikan **tiga** wilayah yang terlibat dalam penubuhan Malaysia ? (3 Markah)
  
- d. Sebagai warganegara Malaysia, jelaskan **dua** tanggungjawab anda untuk mengekalkan keharmonian kaum. (4 Markah)

2.



Rajah 10

Rajah 10 berkaitan sistem Raja Berperlembagaan yang merupakan tonggak keagungan kerajaan Malaysia.

- a. Berdasarkan Rajah 10, nyatakan **tiga** nama sultan yang pernah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong. (3 Markah)
  
- b. Senaraikan **tiga** bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong mengikut Perlembagaan Malaysia. (3 Markah)
  
- c. Jelaskan **dua** kepentingan sistem pemerintahan raja berpelembagaan di negara kita. (4 Markah)

3.



Rajah 11

Rajah 11 menunjukkan bendera bagi negara-negara yang terdapat di dunia dalam satu unit bumi bagi menggambarkan globalisasi.

- a. Berdasarkan Rajah 11, apakah yang dimaksudkan dengan globalisasi ?  
(2 Markah)
  
- b. Berikan **empat** kesan positif globalisasi kepada generasi muda yang mememanfaatkannya.  
(4 Markah)
  
- c. Terangkan **dua** faktor yang menyebabkan globalisasi menjadi ancaman di Malaysia.  
(4 Markah)

4.



## Kemahiran insaniah tingkat kualiti pelajar

**S**EJAK beberapa tahun lepas, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menerapkan kemahiran insaniah dalam diri pelajar institusi pengajian tinggi melalui kursus yang ditawarkan dengan harapan dapat meningkatkan kualiti mereka sebelum memasuki pasaran kerja.

Oleh itu, ketika pengajian di universiti semua pelajar dibimbing mengenal tujuh kemahiran insaniah (*soft skills*) oleh pensyarah masing-masing.

Kemahiran yang dimaksudkan itu meliputi komunikasi, pemikiran kritis, kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, keusahawanan, etika dan moral profesional serta kemahiran kepimpinan.

Tujuan KPT menerapkan kemahiran ini kepada pelajar universiti ialah supaya dapat memberi nilai tambah kepada mereka selain kurikulum yang dipelajari.

Ini bermakna apabila diterima melanjutkan pengajian ke universiti atau institusi pengajian, pelajar turut didedahkan dengan kemahiran-kemahiran itu dalam tempoh pengajian.

Kemahiran insaniah menjadi aset penting bagi melahirkan graduan yang mampu bersaing, berkeyakinan, mampu berkomunikasi dengan baik serta boleh menyumbang kepada bakal majikan tempatan dan antarabangsa.

Kemahiran itu menjadi elemen yang dikenal pasti KPT sebagai amat kritikal dalam dunia pekerjaan yang kini bersifat global. Tambahan pula, dengan ijazah sematamata tidak mampu menjamin siswazah mendapat pekerjaan.

Oleh itu, lepasan universiti mesti memiliki kemahiran itu bagi menepati dan memenuhi kehendak pasaran kerja masa kini.

Berdasarkan modul pembangunan kemahiran insaniah (2006), ruangan ini akan membincangkan tiga kemahiran itu sebagai panduan kepada para pelajar.

### 1. Komunikasi

Pelajar harus memiliki kemahiran berkomunikasi yang berkesan dalam bahasa Melayu dan Inggeris ketika proses pembelajaran di universiti.

Mereka harus mahir menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan berkeyakinan secara lisan dan tulisan.

Dalam konteks ini, Jamudin Badusah (2006) berpendapat mahasiswa perlu didedahkan kepada pengalaman untuk menyuarakan persetujuan, bantahan atau ada kalanya perlu memujuk dan memotivasi.

Kebolehan pelajar mengamalkan pembentangan mengaktifkan dan memberi maklum balas semasa kuliah dan sesi perbincangan dalam tutorial turut diberi penekanan.

Pelajar juga akan dibimbing supaya pembentangan dapat dibuat secara jelas, penuh yakin dan sesuai dengan tahap pendengaran iaitu rakan sekuliah mereka.

Kemahiran komunikasi yang dipelajari mampu membimbing pelajar dari segi penggunaan teknologi dalam pembentangan, kebolehan berunding dan mencapai persetujuan, berkomunikasi dengan peserta yang berbeza budaya, kemahiran komunikasi interpersonal serta bukan lisan.

Kemahiran itu sangat penting kepada pelajar kerana apabila berkerja, anda akan

sentiasa berhubung dan berinteraksi dengan pelbagai pihak dalam bidang yang diceburi.

### 2. Pemikiran kritis

Menjadi mahasiswa institusi pengajian tinggi menuntut anda supaya memiliki pemikiran yang kritis agar berbeza dengan pemikiran rakan-rakan di luar kampus.

Mempelajari kemahiran itu dapat membantu pelajar berfikir secara kritis, kreatif, inovatif serta berkebolehan aplikasi pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru dan berlainan.

Kemahiran itu mendidik pelajar dari segi kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi yang sukar dan kabur, serta membuat penilaian yang berjustifikasi.

Malah, dengan memiliki pemikiran kritis mampu membantu pelajar meningkatkan kebolehan mengembang dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan sesuatu idea, menganalisis data kajian atau menilai perbincangan.

Pemikiran kritis juga mengajar pelajar dari segi

kebolehan memahami dan menyesuaikan diri kepada budaya komuniti dan persekitaran kerja yang baharu diceburi itu.

Oleh itu, bakal pekerja seperti anda memerlukan kemahiran ini untuk membantu menyelesaikan masalah serta mencetus idea baru dalam tugas yang dilakukan.

### 3. Kerja berpasukan

Ketika di universiti, pelajar banyak membabitkan diri dengan aktiviti berkumpulan sama ada berbentuk akademik mahupun kokurikulum.

Lazimnya, bagi memenuhi keperluan kursus pelajar akan diberi tugas kertas projek atau esai oleh pensyarah yang perlu dilakukan secara berkumpulan.

Kadang kala ada ahli kumpulan yang 'curi tulang' atau menjadi 'penumpang' iaitu tidak memberi sumbangan dari segi tenaga dan idea bagi menyelesaikan tugas itu tetapi namanya mahu dimasukkan.

Persoalannya, bagaimana nungkin pelajar seperti itu mampu berkerja dan bersaing dalam dunia pekerja di luar sana yang penuh dengan

cabaran dan persaingan? Kemahiran insaniah turut menekankan elemen kerja berpasukan dalam diri para pelajar universiti. Mereka dibimbing bagaimana untuk bekerjasama dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang sosiobudaya untuk mencapai matlamat yang sama.

Kemahiran yang ditokankan kepada pelajar termasuk kebolehan membina hubungan baik dan berinteraksi dengan orang lain di samping mampu bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama.

Selain itu, pelajar dibimbing dalam mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan, dan kebolehan mengenali dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan rakan lain terhadap pelajar.

Kerja berpasukan perlu diamalkan oleh anda supaya lebih mudah untuk menyelesaikan sesuatu masalah berkaitan bidang tugas yang diamanahkan kelak.

*Penulis ialah Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.*

## Rajah 12

Rajah 12 menunjukkan keratan akhbar yang memberi penekanan kepada pelajar untuk memiliki kemahiran insaniah.

- Berikan maksud kemahiran insaniah berdasarkan keratan akhbar di atas. (2 Markah)
- Merujuk Rajah 12, jelaskan **dua** kepentingan kemahiran komunikasi. (4 Markah)
- Jelaskan **dua** tindakan yang dilakukan oleh kerajaan untuk menggalakkan pembangunan kemahiran insaniah. (4 Markah)

5.



Rajah 13

Rajah 13 menunjukkan Lynee Chiang (kiri) menyambut Tahun Baru Cina dengan gembira bersama bapanya Tan Mong Lee dan ibunya Chiang Jee Min.

- a. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh Ibu bapa kepada anaknya semasa perayaan Tahun Baru Cina berdasarkan rajah di atas?  
(1 Markah)
- b. Terangkan **dua** sebab mengapa amalan dalam 5(a) menjadi budaya dalam masyarakat cina ?  
(4 Markah)
- c. Senaraikan **tiga** amalan lain yang dilakukan oleh masyarakat cina semasa menyambut Tahun Baru Cina.  
(3 Markah)
- d. Senaraikan **dua** cara yang boleh dilakukan untuk meningkatkan toleransi dalam agama ?  
(2 Markah)

6. Pilihan Raya merupakan proses pemilihan pemimpin yang dilakukan oleh rakyat dengan cara mengundi.
- a. Nyatakan **tiga** peranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam membantu melancarkan proses pilihan raya.  
(3 Markah)
- b. Nyatakan perbezaan antara pilihan raya umum dan pilihan raya kecil.  
(4 markah)
- c. Mengapakah pilihan raya menjadi amalan penting dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi ?  
(3 Markah)

**BAHAGIAN C (20 MARKAH)**

Jawab **satu soalan** sahaja.

1. Peristiwa 13 Mei yang berlaku pada tahun 1969 ialah rusuhan kaum yang menjejaskan masalah perpaduan kaum di Malaysia. Huraikan faktor-faktor yang mengakibatkan peristiwa 13 Mei 1969 dan pengajaran-pengajaran yang diperolehi daripadanya.  
(20 Markah)
2. Isu pencemaran alam sekitar merupakan isu global yang semakin serius seiringan kepesatan pembangunan dan pemodenan negara. Bincangkan punca-punca pencemaran yang menampakkan kesan negatif kepada kehidupan manusia dan alam sekitar serta cadangkan langkah-langkah mengatasinya.  
(20 Markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**